

KUASA PERUNDANGAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PELAKSANAAN WAKAF OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) DI MALAYSIA

Mohd Ali Muhamad Don
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, 81300 Bandar Seri Alam, Masai, Johor
Email: 73khawarizmi@gmail.com

Hasan Bahrom

ABSTRAK

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai kuasa eksklusif untuk mengurus dan mengawal aktiviti wakaf di Malaysia. Justeru itu pelaksanaan wakaf oleh mana-mana institusi terikat dan tertakluk kepada enakmen yang digubal. Ini termasuklah pelaksanaan wakaf oleh beberapa IPT di Malaysia yang menjadikan manfaat wakaf sebagai sumber pembiayaan alternatif untuk pelajar memerlukan. Namun begitu peruntukan MAIN sebagai sole trustee dilihat merencatkan perkembangan wakaf di IPT sehingga pelbagai istilah selain wakaf digunakan untuk menghalalkan pelaksanaannya. Ini bagi mengelak campur tangan pihak luar dalam pelaksanaan wakaf IPT yang lebih selesa menguruskan sendiri aspek perolehan dana dan pengagihan manfaat wakaf. Melalui kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual, data-data berkaitan topik ini dikumpulkan dan dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan terdapat konflik kuasa perundangan antara MAIN dan IPT sebagai pelaksana yang perlu diatasi dengan berhemah oleh pihak-pihak terlibat. Ini penting untuk mengelak salah faham dan kekeliruan tentang wakaf yang akhirnya merugikan Islam dan ummah seluruhnya.

Field of Research: Kuasa perundangan, Enakmen Wakaf, Wakaf di Institusi Pendidikan Tinggi

Pendahuluan

Wakaf merupakan ibadah berbentuk kehartaan yang disyariatkan untuk memenuhi keperluan sosial dan kemasyarakatan. Hukumnya sunah bersandarkan riwayat yang menyebutkan;

“Apabila mati anak Adam terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara. Sedekah jariah, Ilmu yang bermanfaat ataupun anak soleh yang mendoakannya” (Riwayat Muslim)

Oleh sebab tiada dalil spesifik dalam al-Quran yang menyebutkan tentang wakaf, kebanyakan peraturannya dibina berdasarkan hadis dan ijtihad para ulama. Justeru itu perundangan wakaf yang digubal di Malaysia juga selari dengan kedua-dua sumber hukum tersebut. Selain itu undang-undang pentadbiran yang digubal di Malaysia bertunjangkan prinsip siasah syariah sebagai suatu sistem, peraturan dan undang-undang untuk mengurus sesebuah negara bertepatan dengan prinsip agama bagi menjamin kemaslahatan manusia, menunaikan segala keperluan dan menjauhkan daripada kemudaratannya dunia dan akhirat (Abdul Jalil, 2013).

Permasalahan Kajian

Di Malaysia kuasa perundangan wakaf terletak di bawah bidang kuasa Negeri. Senarai II, Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama..”

Dengan kuasa tersebut Negeri menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) sebagai kuasa perundangan yang mengawal aktiviti pewakafan harta di Malaysia. Sehingga kini kesemua Negeri di Malaysia sudah menggubal EPAIN sendiri di mana yang terawal ialah Selangor tahun 1952 dan terakhir ialah Sarawak tahun 2001 (Hamid Jusoh, 1992; Baharuddin Sayin, 2006). Terdapat pula sesetengah Negeri yang telah memperuntukkan enakmen wakaf secara khusus seperti Enakmen Wakaf Selangor tahun 1999, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Kaedah Wakaf Johor tahun 1983, manakala negeri-negeri lain masih mengguna pakai peruntukan wakaf dalam EPAIN (Ahmad Shaifful, 2015). Antara lain yang terkandung dalam EPAIN tersebut ialah peruntukan

mengenai Majlis sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf di Malaysia, peletakan harta wakaf kepada Majlis, sekatan bagi mewujudkan amanah khairat, pendapatan wakaf, modal wakaf, pengertian surat cara wakaf dan penyenaian harta wakaf. Manakala dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor (EWNS) disebutkan peruntukan berkaitan pewujudan wakaf, mauquf alaihi, wakaf tak sah, mawquf, istibdal, jawatankuasa pengurusan wakaf, kuasa majlis dan peruntukan am berkaitan wakaf.

Walau bagaimanapun bagi mengelak campur tangan MAIN dalam pelaksanaan wakaf terdapat IPT yang memperkenalkan skim wakaf atas nama *endowment*, tabung amanah dan tabung biasiswa sedangkan apabila diteliti pelaksanaannya adalah wakaf. Persoalannya adakah bersalahan dengan enakmen yang telah digubal di setiap Negeri?. Adakah terdapat peruntukan berkaitan kesalahan tidak mendaftarkan wakaf kepada MAIN. Justeru kajian ini terfokus kepada mengenal pasti kuasa perundangan wakaf di Malaysia sebagai peraturan untuk dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti wakaf.

Sorotan Karya

Semua Negeri di Malaysia telah menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (Hamid, 1992) yang memperuntukkan Majlis adalah Pemegang Amanah Tunggal Wakaf (PATW). Justeru itu semua harta wakaf menjadi milik Majlis dan semua dokumen dan surat cara berkaitan wakaf disimpan oleh Majlis (Rohana, <https://www.academia.edu>). Begitu juga segala permohonan untuk mewujudkan wakaf perlu didaftarkan atas nama MAIN termasuklah segala prosedur pindah milik harta di mana wakaf tersebut diwujudkan (Siti Mashitoh, 2010). Malah apabila terdapat perselisihan mengenai surat cara wakaf Mufti atau jawatankuasa fatwa Negeri adalah autoriti yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya (Mohd Afandi, 2015). Selain itu sebagai PATW di Malaysia MAIN memainkan fungsi untuk (<http://www.maiwp.gov.my/>);

- i. Menguruskan penerimaan wakaf daripada orang ramai.
- ii. Mentadbir dan menjaga harta-harta wakaf agar terpelihara dengan sempurna.
- iii. Memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang konsep dan amalan wakaf yang sebenar.
- iv. Meningkatkan penghayatan amalan wakaf dikalangan masyarakat demi memastikan syiar Islam terus unggul.
- v. Memberi pendedahan yang meluas kepada masyarakat akan kepentingan pembangunan hartanah wakaf.

Peruntukan MAIN selaku Pemegang Amanah Tunggal Wakaf (PATW) di Malaysia mengikat pelaksanaan wakaf oleh mana-mana pihak (Che Zuina et.al, 2015; Rohana, 2015; Siti Mashitoh, 2014; Hisham et.al., 2014). Berdasarkan kepada kepatuhan terhadap peruntukan MAIN selaku PATW, terdapat universiti yang bekerjasama dengan MAIN selaku *sole trustee* seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Ahmad, 2015) dan terdapat universiti yang menguruskan sendiri skim wakaf seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan tidak berdaftar dengan MAIN (Maliah, 2009). Ekoran daripada itu UIAM memperkenalkan skim *endowment fund*, UPM dan UKM memperkenalkan Dana Wakaf Ilmu (Siti Mashitoh & Asmak, 2014), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkenalkan Dana Wakaf al-Abrar (<news.usim.edu.my>) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIS) memperkenalkan skim Wakaf Ilmi (www.kuis.edu.my).

Walau bagaimanapun berdasarkan hukum syarak pewakaf berhak menguruskan sendiri wakafnya tanpa campur tangan oleh mana-mana pihak (Hisham, 2014). Ini seperti pengurusan Waqaf An-Nur Corporation Berhad yang menguruskan sendiri saham-saham Johor Corporation yang diwakafkan dengan pemantauan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Ini disokong oleh Cizaka (2013), yang mengatakan di Turki terdapat wakaf yang diuruskan oleh pewakaf atau warisnya dan diiktiraf di bawah *Waqf Regulation 2008*.

Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan teknik analisis dokumen dan temu bual untuk memperoleh data. Skop kajian tertumpu pada beberapa buah IPT di Malaysia yang terawal memperkenalkan skim wakaf sebagai sumber pembiayaan pendidikan pelajar seperti UIAM, UKM dan UPM. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana Partisipan dipilih dan ditentukan berdasarkan kepakaran dan pengalaman yang luas dan mendalam dalam bidang wakaf di Malaysia. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data kajian ini ialah soalan temu bual yang dibina oleh Pengkaji dan diajukan semasa sesi temu bual dilangsungkan. Data temu bual kemudiannya di analisa menggunakan *Computer-Assisted Qualitative Data Analysis Software, (CAQDAS)* iaitu *Atlas.ti* versi 7.5.10. dengan teknik *quotes* dan *coding* bagi membuat perbandingan dan penelitian terhadap jawapan yang diberikan oleh Partisipan.

Dapatan Dan Perbincangan

Hasil temu bual yang dilakukan bersama Partisipan terpilih telah menemukan pandangan yang berbeza-beza mengenai perundangan wakaf yang digubal di Malaysia dan hubungannya dengan pelaksanaan wakaf di IPT. Rajah 1.0 berikut menjelaskan secara ringkas mengenai pelaksanaan wakaf di IPT menurut perspektif Partisipan di universiti yang dikaji.

Rajah 1.0

Pandangan Pelaksana Terhadap Pelaksanaan Wakaf di IPT



Sumber: Temu bual oleh Pengkaji


Berdasarkan Rajah 1.0 di atas P1 (2014)¹, P2 (2014), P3 (2014) dan P5 (2015) bersetuju mengatakan pelaksanaan wakaf di peringkat universiti adalah tidak bersalahan dengan enakmen wakaf yang digubal. P1 (2014) mendakwa pelaksanaan Dana Wakaf Ilmu UKM tidak bersalahan dengan enakmen kerana terdapat MoU antara UKM dan MAIS. P2 (2014) juga menolak wujudnya kesalahan melaksanakan skim *endowment fund* di UIAM atas alasan mereka menerima sumbangan orang ramai yang dari segi perakaunannya diasingkan dengan akaun universiti. Ini dikukuhkan oleh P5 (2015) yang mendakwa penggunaan istilah *endowment* menyebabkan UIAM tidak terikat dengan EPAINS 2003. P3 (2014) juga menegaskan pelaksanaan Dana Wakaf Ilmu UPM tidak bersalahan dengan enakmen selagi mana mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MAIS dan tidak melanggar enakmen yang digubal. Justeru itu kalangan Partisipan pelaksana menolak terdapat sebarang unsur pelanggaran terhadap enakmen wakaf yang digubal sekali gus menegaskan pelaksanaan wakaf oleh universiti yang dikaji adalah tidak bersalahan dengan peruntukan undang-undang.

Rajah 2.0 yang berikut menjelaskan mengenai pandangan kelompok Pentadbir Wakaf Negeri yang terdiri daripada Mufti, Pegawai di MAIS dan Penasihat Undang-undang Negeri. P6 (2015) dilihat mengambil pendekatan berhemah sambil mengatakan wakaf adalah ibadah sunat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT justeru ia tidak boleh dipaksa. Menurutnya lagi sekalipun terdapat kesalahan membuat wakaf tanpa kebenaran tindakan penguatkuasaan sukar dilakukan terhadap perkara sunat berbanding zakat yang fardu, malah MAIS mengambil pendekatan berhati-hati dalam menangani perkara ini. Namun begitu P8 (2015) agak bertegas sambil mengatakan walau apa pun nama/istilah yang digunakan jika niat asalnya adalah wakaf maka ia adalah tertakluk kepada hukum hakam wakaf dan tertakluk kepada enakmen yang digubal. Oleh itu menjadi tanggungjawab pelaksana di IPT untuk mendaftarkan semua wakaf kepada Pendaftar wakaf di MAIS. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pelaksanaan wakaf di IPT bersalahan dengan enakmen Negeri kerana tidak mendapat kebenaran daripada MAIS selaku *sole trustee*. Malah beliau yang melihat daripada kaca mata pengamal undang-undang tetap menegaskan pelaksanaan wakaf oleh IPT tanpa kebenaran adalah merupakan satu kesalahan. Manakala P7 (2015) pula mengatakan pelaksanaan wakaf tanpa kebenaran boleh mencemarkan imej Tuanku selaku Ketua Agama Negeri terutama apabila berlaku ketirisan dan penyelewengan dana awam yang turut berkait dengan kelemahan pengurusan institusi Islam di Malaysia. Mengenai pelaksanaan wakaf tanpa kebenaran pula P7 (2015) menjelaskan MAIS tidak mempunyai apa-apa kaitan/hubungan dengan institusi terlibat malah jika mereka ingin menjayakan aktiviti wakaf pihak MAIS/PWS tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghalang kerana tidak tertakluk kepada EPAINS. Berikut dipaparkan ringkasan dapatan temu bual oleh Pengkaji bersama kelompok Partisipan Pentadbir Wakaf Negeri (PWN).

¹ P1 merujuk kepada Partisipan temubual yang pertama di temui oleh Pengkaji, manakala (2014) merujuk tahun temubual diadakan. Rujukan yang sama terpakai untuk Partisipan seterusnya. Untuk menjaga aspek kerahsiaan Partisipan kajian ini profil mereka tidak didedahkan kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

Rajah 2.0

Pandangan Pentadbir Wakaf Negeri (PWN)



Sumber: Temu bual oleh Pengkaji

Justeru didapati, kalangan pentadbir juga berbeza pandangan sambil ada yang menangani persoalan berwakaf tanpa kebenaran MAIS dengan berhemah dan lainnya agak keras dengan mengatakan ia merupakan suatu kesalahan. Ini berbalik kepada kuasa MAIS sebagai *sole trustee* sehingga tiada pihak dibenarkan berwakaf kecuali dengan kebenaran MAIS. Ini seperti diperuntukkan dalam Sek. 89 EPAINS 2003 yang menyebutkan;

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—

(a) semua wakaf, sama ada wakaf ‘am atau wakaf khas;

(b) semua nazar ‘am; dan

(c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak”.

Rajah 3.0 yang berikut pula menunjukkan pandangan Partisipan pakar yang ditemu bual oleh Pengkaji. P9 (2014) mengatakan pelaksanaan wakaf tanpa kebenaran adalah bersalahan jika terdapat peruntukan dalam enakmen mengenai kesalahan wakaf dan hukuman yang ditetapkan. Justeru itu P10 (2014) menolak mengatakan ia suatu kesalahan apatah lagi jika dilaksanakan mengikut hukum syarak dan fikah wakaf. Di sudut yang lain beliau mengkritik tujuan asal pewujudan enakmen wakaf telah disempitkan sehingga mengekang perkembangan wakaf pada masa kini. Menurut beliau;


“Kalau melihat kepada sejarah, apa ni sehingga wujudnya akta, enakmen khas itu, sepatutnya tidak, sepatutnya untuk protect, tapi just now is over protection. Jadi kuasa mutawalli tu dah macam terlalu sempit sehinggakan dari segi pelaksanaannya memang nampak mengekang”

Sungguhpun begitu P10 (2014) mempersoalkan penggunaan istilah selain wakaf oleh IPT yang bertujuan untuk mengelak daripada terikat dengan undang-undang. Ini turut dipersetujui oleh P13 (2015) yang mengatakan IPT pelaksana tidak sepatutnya membelakangkan hukum syarak dan enakmen Negeri dalam menyemarakkan aktiviti wakaf di Malaysia. Malah MAIN dan IPT boleh duduk semeja berbincang mencari penyelesaian terbaik antaranya melalui pendekatan menang-menang yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Ini kerana wakaf ialah harta Allah yang diamanahkan kepada manusia untuk menguruskannya dengan sempurna. Malah menurut P11 (2015) untuk mengatasi konflik pengurusan wakaf antara MAIS dan IPT, pihak MAIS boleh menetapkan syarat adanya wakil MAIS dalam jawatankuasa wakaf di IPT. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaannya selari dengan hukum syarak dan enakmen yang merupakan tanggungjawab Pemerintah. Beliau memberikan contoh kerjasama Waqaf Korporat Johor Corporation (JCorp) dan MAINJ di mana MAINJ telah menurunkan kuasa kepada JCorp sebagai Nazir Khas dan mauquf alaihi ke atas saham-saham yang diwakafkan. Di sisi yang lain P12 tegas mengatakan pelaksanaan wakaf tanpa kebenaran MAIN merupakan satu kesalahan. Malah sebarang nama/istilah yang digunakan tetap terikat dengan peruntukan MAIN sebagai *sole trustee*. Sungguhpun begitu sehingga kini tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilakukan

lagi kerana tiada peruntukan atas kesalahan membuat wakaf tanpa kebenaran. Berikut ialah ringkasan dapatan temu bual bersama partisipan pakar mengenai pelaksanaan wakaf di IPT.

Rajah 3.0

Pandangan Pakar Berkaitan Pelaksanaan Wakaf di IPT



Sumber: Temu bual oleh Pengkaji

Kesimpulan

Peruntukan MAIN selaku PATW di Malaysia mengikat pelaksanaan wakaf oleh mana-mana institusi. Oleh itu IPT tidak sewajarnya membelakangkan aspek perundangan ini dalam menyemarakkan aktiviti wakaf di Malaysia. Ini bagi mewujudkan proses *check and balance* antara pemerintah selaku Pentadbir wakaf di Malaysia dan pewakaf. Ia juga bagi mengelak pencerobohan dan penukaran status harta wakaf yang menyalahi konsep wakaf sebenar. Selain itu semua pihak yang ingin berwakaf hendaklah berdaftar di MAIN. Sek. 4 Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 (EWNS) memperuntukkan;

“Tertakluk kepada Seksyen 4, setiap wakaf hendaklah secepat mungkin yang boleh didaftarkan dalam apa-apa bentuk atau cara yang telah ditetapkan oleh Majlis”

Aspek pendaftaran ini juga sesuatu yang perlu dititikberatkan. Tanpa rekod dan dokumen wakaf yang sentiasa dikemas kini aktiviti pemeliharaan, pembangunan dan pemantauan aset wakaf tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Sekali gus menyebabkan modal wakaf dalam kedudukan terancam terutama kategori tanah bernilai tinggi seperti di Pulau Pinang yang dituntut oleh waris walaupun sudah sekian lama diwakafkan (Siti Nadiyah, 2015). Menurut Rusnadewi (2015) masalah pencerobohan tanah wakaf berkait rapat dengan aspek pendaftaran tanah yang menentukan status tanah wakaf.

Penetapan peruntukan ini tidaklah bermakna wakaf dimonopoli oleh MAIN. Dengan kuasa perundangan yang ada MAIN boleh menggalakkan sebarang kegiatan untuk merencanakan perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat asalkan menepati hukum syarak. Sek. 7 (1) (2) (b) dan (c) EPAINS 2003 yang memperuntukkan;

7. (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajibannya di bawah subseksyen (1) -

(b) untuk menggalakkan perjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah

kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;

(c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Negeri, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri;

Menurut Siti Mashitoh (2007) melalui konsep *Joint Venture*, pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti wakaf boleh bekerjasama dengan kepakaran dan kemudahan sedia ada untuk memajukan wakaf di Malaysia. Dalam konteks pelaksanaan wakaf di universiti kerjasama MAIS dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia dalam mempromosikan Dana Wakaf Ilmu adalah suatu usaha murni yang sewajarnya dicontohi oleh IPT lain. Melalui kerjasama ini pelaksanaan wakaf oleh IPT tertakluk kepada enakmen wakaf Negeri sekali gus terletak di bawah pemantauan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Justeru itu MAIN hendaklah memberi kebenaran bertulis melalui MoU dan sebagainya bagi mengesahkan pelaksanaan wakaf oleh IPT sekali gus menetapkan aktiviti wakaf dibuat dengan kawalan penuh atau separa mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak (ibid.).

Pelantikan IPT sebagai agen pemungut wakaf yang dilantik oleh MAIN juga menunjukkan sikap toleransi MAIN dalam memperkembangkan wakaf di Malaysia. Sek. 33 Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 misalnya memperuntukkan:

“(1) Majlis, atas nasihat Panel Penasihat, boleh—

(a) melantik mana-mana orang yang dianggap dengan munasabah oleh Majlis sebagai kompeten dan berkeelayakan untuk menguruskan dan membangunkan mana-mana mawquf, termasuk menguruskan pelaburan mana-mana mawquf;

(b) melantik mana-mana orang yang dianggap dengan munasabah oleh Majlis sebagai kompeten dan berkeelayakan untuk menguruskan manfaat, faedah atau keuntungan mana-mana mawquf demi kepentingan mawquf-alaihnya; dan

(c) melantik mana-mana ejen yang dianggap dengan munasabah oleh Majlis sebagai kompeten dan berkeelayakan, sama ada peguam cara, jurubank, penasihat kewangan berlesen atau mana-mana orang lain, untuk membuat apa-apa transaksi yang perlu bagi menguruskan hal ehwal wakaf.

Justeru itu mana-mana pihak yang ingin terlibat dengan aktiviti wakaf seharusnya bergerak atas asas hukum syarak dan perundangan yang digubal di Malaysia. Ini bagi mengelak gejala ketirisan dan penyelewengan harta wakaf yang mencemarkan imej Islam sekali gus menafikan nilai jariah berterusan yang sepatutnya diperoleh pewakaf zaman berzaman.

Rujukan

- Abd Jalil Borham, (2013), Konsep Siyash Syar'iyah Dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia, Di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyash Syar'iyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pada 21hb. Februari, 2013 di Auditorium Pujangga KUIM, Melaka.
- Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, (2015), *Potensi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali & S. Salahudin Suyurno, (2006a), *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*, Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor), No. 7, 1999, Shah Alam: Bahagian Baitulmal Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan.
- Fungsi MAIWP sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf, <http://www.maiwp.gov.my/>, (diakses pada 13 Mac 2016).
- Hamid Jusoh, (1992), terj., *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hisham Sabri, Khairil Faizal Khairi, Nur Hidayah Laili, Abdul Yazis Ali Basah, Nurhidayah Damiron, (2014), *Pegangan Terhadap Ain Mawquf Dalam Wakaf Korporat: Satu Analisis Terhadap Sistem Pengurusan Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp)*, Kertas kerja dibentang di Muzakarah Fiqh & Fiqh International Conference 2014, anjuran Pusat Pembangunan Penyelidikan dan Jabatan Syariah AkademiIslam KUIS di Concorde Inn, Sepang pada 3& 4 Disember 2014.
- Marziana Abd Malib, Ruzian Markom & Rusnadewi Abd Rashid, (2015) Wakaf Pendidikan Tinggi;Urus Tadbir Dan Sistem Perundangan Yang Efektif dan Efisien Menjamin Kelestarian Pelaksanaan Wakaf dlm. Baharuddin Sayin, (2015) pnyt. Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Satu Penantian, Shah Alam: Institusi Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Afandi Mat Rani & Siti Fatahiyah Mahamood, (2015), Isu-isu Perundangan Harta Wakaf di Malaysia dlm. dlm. Dr. Rudy Heryana, (2015), pnyt., *Southeast Asia ZISWAF Community Development*, Jakarta: IMZ Publishing, h. 131.

- Rohana binti Abdullah, Pengurusan Wakaf di Malaysia Satu Tinjauan, <https://www.academia.edu>, (diakses pada 12 Mei 2015).
- Rusnadewi Abdul Rashid, Rohayati Hussin & Noor Inayah Yaakub, (2015) Pencerobohan Tanah Wakaf Dari Aspek Perundangan Negara, *Proceedings of the International Conference on Waqf 2015 (ICW2015)*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu May 10 – 11, 2015.
- Siti Mashitoh Mahamood (2007), Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang Serta Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah* Vol. 15, No. 2, 2007, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Mashitoh Mahamood, (2010), Wanita dan Undang-undang (Perspektif Undang-undang Harta dan Muamalat di Malaysia, *al-Ihkam*, Vol. V No. 1 Juni 2010, h. 72.
- Siti Nadiyah Ahmad Zamlus, (2015), Dilema pembangunan tanah wakaf, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/dilema-pembangunan-tanah-wakaf-1.398264>, (diakses pada 12 Mac 2016).
- Undang-undang Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.